



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

EDISI JAN - JUN 2022

BULETIN FSB

fsb.umk.edu.my

FAKULTI SAINS BUMI



1 Hari FSB
@Tropical Rainforest Research Centre (TRaCe)

eISSN 2716-6619



917727161661004

Fakulti Sains Bumi,
Universiti Malaysia Kelantan
(Kampus Jeli)
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia
Laman Web: www.fsb.umk.edu.my
Telefon: +609-947 7030
Faks: +609-947 7032



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our Urus!

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream



PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN I BAGI PELAJAR TAHUN 3 PROGRAM SAINS SUMBER ASLI DAN PROGRAM GEOSAINS

Dr. Nurul Irene Hanie, Dr. Zamzarina Sulaiman & Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Kursus Projek Penyelidikan I merupakan suatu kursus yang memerlukan pelajar menyediakan sebuah hasilan penyelidikan dengan menggunakan segala pengetahuan yang telah dipelajari secara saintifik dan beretika. Pembentangan kertas cadangan Projek Penyelidikan Tahun Akhir ini diadakan selama dua hari iaitu pada 4 hingga 5 Januari 2022 melalui platform *Google Meet*. Objektif pembentangan ini adalah untuk para pelajar membentangkan teori, konsep dan memilih kaedah yang sesuai dalam penyelidikan serta mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman bagi tujuan penyelidikan. Seramai 42 orang pelajar Program Sains Sumber Asli dan 3 orang pelajar dari Program Geosains telah membentangkan kertas cadangan Projek penyelidikan Tahun Akhir mereka dengan jayanya.

